

<input checked="" type="checkbox"/>	Berita Harian
<input type="checkbox"/>	Berita Minggu
Tarikh: 26/8/2010	
Hari: Khamis M/S: 1	
Ruangan: VARSITI	

## IPT, kolej komuniti perlu kerjasama tingkat mutu pendidikan

Oleh Samsudin Oli Mohamed  
bhsaris@bharian.com.my

**I**NSTITUSI pengajian tinggi (IPT) perlu memindahkan ilmu bagi dimanfaatkan kolej universiti dalam usaha kerajaan memaksimumkan masyarakat negara ini sebagai sebuah negara berpengetahuan.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pemindahan ilmu dari universiti ke kolej komuniti ini dapat memberi nilai tambah kepada pelajar kolej supaya seiring dengan usaha yang dijalankan di peringkat universiti.

"Nilai tambah kepada graduan IPT dalam memperluas budaya keusahawanan dengan cara mengubah kurikulum, memperbaikkan program dan

aktiviti terutamanya dalam bidang keusahawanan serta menyediakan persekitaran yang kondusif boleh digunakan kolej komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti dengan kerjasama Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi Universiti Utara Malaysia (CEDI UUM) di Kolej Komuniti Gerik, Perak, baru-baru ini. Turut hadir Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Mohamed Khaled berkata, gabungan kerjasama antara universiti, industri, pelajar dengan kolej dalam setiap perancangan yang dijalankan pastinya akan memberi manfaat kepada masyarakat setempat terutamanya pelajar kolej komuniti.

"Pembabitian ketiga-tiga pihak ini pastinya dapat mengukuhkan lagi kolej ini seterusnya memantapkan lagi enam teras dalam pelan ini iaitu menubuhkan pusat keusahawanan, menyediakan pendidikan, memantapkan program keusahawanan, mewujudkan mekanisme, menyediakan persekitaran dan ekosistem yang selesa serta mengukuhkan daya saing penyelaras dalam keusahawanan.

"Beberapa universiti seperti Universiti Malaysia Sabah dan UUM memberi kerjasama dengan kolej komuniti ini namun saya berharap lebih banyak universiti dapat memindahkan ilmu mereka kepada kolej komuniti," katanya.

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa ketika ditemui melahirkan penghargaan kepada Kolej Komuniti kerana

memilih UUM sebagai rakan kongsi mereka.

Katanya, UUM memberi bantuan melalui CEDI dalam menyediakan kertas kerja, cara menguruskan perniagaan, kewangan, permohonan pinjaman, daftar syarikat dan juga bertindak memberi nasihat cara menyimpan aset, stok dan sumber manusia.

Beliau yang menerima Sijil Kolaborasi Strategik Keusahawanan daripada Mohamed Khaled berkata, CEDI UUM berjaya membantu kolej komuniti dengan teknologi komunikasi dan maklumat.

"Kita tidak mahu pelajar atau usahawan hanya pandai menjual saja tetapi mereka perlu mengetahui daripada aspek pengurusan dalam teknologi maklumat," katanya.



MOHAMED KHALED disambut pelajar dan kakitangan kolej komuniti sempena majlis Pelancaran Pelan Pengukuhan Keusahawanan Kolej Komuniti di Gerik, Perak, baru-baru ini.

Serentak dengan majlis perasmian karnival gerak keusahawanan kolej komuniti, Mohamed Khaled turut merasmikan Pusat Pembangunan Keusahawanan Kolej

Komuniti (PUSKOM) dan Pusat Teknologi Kolej Komuniti Gerik yang menawarkan perkhidmatan pembuatan perabot, fesyen dan jahitan serta sulaman mesin.